

PM: Menteri diarah dedah laporan kerja 100 hari


UM - 1/10/2021 W/K.3

Oleh **MAISARAH SHEIKH RAHIM**
maisarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Ahli Jemaah Menteri diarah mengumumkan Kad Laporan Pencapaian Aspirasi Keluarga Malaysia 100 hari kepada rakyat bagi menilai pencapaian prestasi menteri dan kementerian ditêrajui.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kerajaan meletakkan pencapaian aspirasi tersebut bagi setiap Ahli Jemaah Menteri sebagai keutamaan bagi memberi khidmat terbaik kepada rakyat.

Menurut beliau, prestasi setiap Ahli Jemaah Menteri akan dinilai berdasarkan tiga elemen iaitu Penilaian Prestasi



ISMAIL SABRI YAAKOB

Kementerian/Jabatan, Penilaian Kepemimpinan berdasarkan keberkesanan keberhasi-

lan inisiatif, serta Penilaian Persepsi Awam terhadap Ahli Jemaah Menteri dan Kementerian/Jabatan diterajui,” kata Perdana Menteri dalam kenyataan semalam.

Ismail Sabri berkata, mesyuarat Jemaah Menteri pada 10 September lalu bersetuju agar Ahli Jemaah Menteri membentangkan laporan prestasi setiap aspirasi masing-masing bagi 100 hari pertama pentadbiran kerajaan bermula 1 September.

Kata beliau, pelaksanaan inisiatif-inisiatif bagi setiap aspirasi adalah berlandaskan enam Teras Utama iaitu Menstruktur Semula Ekonomi; Menjamin Keselamatan dan Ketentera-

man Negara; Meningkatkan Kesejahteraan Sosial; Mempertingkatkan Infrastruktur Menyeluruh; Memperkukuh Penyatuan dalam Acuan Keluarga Malaysia serta Memperkasa Penyampaian Perkhidmatan.

“Dalam hal ini, Pejabat Ketua Setiausaha Negara, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) dan Unit Penyampaian Kemakmuran Bersama (SEPADU) menjadi penyelaras bersama bagi memastikan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penambahbaikan setiap aspirasi Keluarga Malaysia oleh Ahli Jemaah Menteri dapat dijayakan dengan cemerlang,” katanya.